



MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR
JALAN SULTAN NAZRIN SHAH
33000 KUALA KANGSAR
NO. TELEFON: 05-7763199 / 05-7768199 NO. FAKSIMILI: 05-05-7773199

Ruj. Kami : Bi. (S) dlm. MPKK (P) 5/904/1-SH (K) 18/2025
Tarikh : 26 Mei 2025

Kontraktor yang Berdaftar dengan CIDB dan Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) Dengan **Gred G1 – Pengkhususan Kategori CE01, CE21 &** dan Sijil Taraf Bumiputera tempoh sah laku **minimum November 2025**.

SEBUTHARGA NO : SH (K) 18/2025 – MEMBAIK PULIH LONGKANG, JALAN DAN LAIN-LAIN BERKAITAN DI PERSIARAN MUHIBBAH 21, KG. MUHIBBAH, SG. SIPUT (U), PERAK.

Merujuk kepada perkara di atas, kontraktor yang berdaftar dengan PKK dan CIDB dalam kelas, kepala dan sub-kepala di atas dan yang masih dibenarkan menyertai sebutbarga/tawaran adalah dipelawa untuk mengemukakan harga bagi melaksanakan kerja-kerja di atas seperti yang diuraikan di dalam ringkasan sebutbarga berkepil.

2. Kontraktor yang layak menyertai sebutbarga ini bolehlah mendapatkan borang sebutbarga di **Kaunter MPKK** dengan harga **RM30.00** seperti butiran berikut:-

- | | | | | |
|-----|----------------------------------|---|--------|-------------|
| 2.1 | Tempoh Jualan Borang Sebutbarga: | 29 MEI 2025 | hingga | 10 JUN 2025 |
| 2.2 | Tarikh Tutup Peti | Pada 11 JUN 2025
Sebelum Jam 12.00 tengah hari | | |

3. **Borang sebutbarga yang telah dilengkapkan berserta satu (1) Salinan Resit Pembelian, Sijil Taraf Bumiputera (STB), Perakuan Pendaftaran (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil SSM yang sah tempoh laku serta Penyata Akaun Syarikat tiga (3) bulan berturutan** hendaklah dimasukkan ke dalam **sampul surat bersaiz A4**. Sampul ini dimasukkan ke dalam peti tawaran MPKK pada tarikh yang telah ditetapkan.

4. Sila ambil perhatian bahawa:-

- 4.1 Kontraktor adalah diwajibkan menggunakan bahan/barangan buatan tempatan yang disenaraikan di dalam Senarai Bahan/Barangan Binaan Buatan Tempatan yang disediakan oleh IKRAM QA Service Sdn. Bhd. dan/ atau Senarai Bahan/Barangan Buatan Tempatan yang disediakan oleh SIRIM QA Service Sdn. Bhd, mengikut mana yang berkenaan. Sekiranya kontraktor tidak mematuhi peraturan menggunakan bahan/barangan buatan tempatan setelah surat setuju terima dikeluarkan, penalti dan/atau penolakan bahan yang dibekalkan akan dikenakan ke atas kontraktor.
- 4.2 Bagi bahan/barangan buatan tempatan yang tidak disenaraikan juga boleh dipertimbangkan jika barangan tersebut telah terlebih dahulu diuji dan diperakukan oleh IKRAM QA Service Sdn. Bhd. atau SIRIM QA Service Sdn. Bhd. mengikut mana yang berkenaan. Jika pengujian tidak dijalankan oleh IKRAM QA Service Sdn. Bhd. atau SIRIM QA Service Sdn. Bhd, kontraktor boleh memohon dan tertakluk kepada kelulusan Pegawai Penguasa untuk menjalankan ujian dengan agensi lain.
- 4.3 Kontraktor adalah **diwajibkan untuk melengkapkan Borang (A-C)** yang dikepilkan bersama-sama ini.

5. Kontraktor yang berjaya dalam sebutbarga dikehendaki memulakan kerja dalam masa tujuh (7) hari selepas Inden Kerja dikeluarkan dan dikehendaki siap pada tarikh yang ditetapkan. Denda lewat akan dikenakan jika kontraktor gagal menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan.


6. MPKK tidak terikat untuk menerima sebutbarga yang rendah sekali atau mana-mana sebutbarga sekalipun.

7. Kontraktor hendaklah tidak melibatkan diri dalam perkara-perkara berikut:-

- 7.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 7.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau Balai Polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 7.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota pentadbiran awam dan menyenarai hitam kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 7.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberikan dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,


(DR. SAKDUDDIN BIN ZAMLI)
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kuala Kangsar